


# MAKLUMAT

## PESAKIT

**Ubat Untuk Merawat**

# Penyakit Tekanan Darah Tinggi

*Ulasan mengenai Ubat Darah Tinggi*



## Hypertension

*Overview of Hypertension Medicine*

## **PENGENALAN**

Terdapat pelbagai jenis ubat untuk mengurangkan tekanan darah tinggi. Ada kalanya anda perlu mengambil lebih dari satu jenis ubat untuk mengawal tekanan darah tinggi anda. Adalah perlu untuk mengambil ubat dengan cara yang betul. Jika tidak, ubat itu kurang berkesan dan juga boleh menyebabkan kesan sampingan yang ringan atau memudaratkan. Anda mungkin boleh menyebabkan satu ubat bertindakbalas dengan ubat yang lain tanpa disedari apabila dimakan bersama. Berikut adalah beberapa kumpulan ubat tekanan darah tinggi :-

- **DIURETIK** boleh menghilangkan lebih air dan garam (sodium daripada badan).
- **PENGHALANG BETA** boleh mengurangkan kadar denyutan jantung dan kerja pengempaman darah.
- **PENGHALANG SALURAN KALSIUM** menghalang kalsium dari memasuki sel-sel otot jantung dan saluran darah. Ini akan mengendurkan saluran darah.
- **PENGHALANG ALPHA - ADRENERGIK** bertindak ke atas sistem saraf untuk mengendurkan saluran darah. Oleh itu ia memudahkan pengaliran darah.
- **PENGHALANG ACE (ANGIOTENSIN CONVERTING ENZYME)** menghalang pembentukan sejenis bahan yang dipanggil Angiotensin II, yang selalunya menyebabkan saluran darah menjadi sempit.
- **PENGHALANG ANGIOTENSIN II RESEPTOR** menghalang tindakan sejenis bahan yang dipanggil Angiotensin II di saluran darah dan menghalang pengecutan saluran darah.
- **VASODILATORS** membuka saluran darah dengan mengendurkan otot dalam dinding saluran darah.

***Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak***

## **APAKAH YANG HARUS SAYA BUAT SEKIRANYA SAYA MENGAMBIL UBAT TEKANAN DARAH TINGGI?**

- Anda perlu mengetahui nama dan dos ubat yang anda ambil.
- Ambil secara tetap sebagaimana diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan berhenti mengambil ubat walaupun anda merasa lebih sihat. Anda perlu mengambil ubat ini sepanjang hayat. Ia dapat membantu mengurangkan tekanan darah anda dan mengawalinya. Ia juga dapat mengelakkan komplikasi lain seperti angin ahmar dan serangan jantung.
- Minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menghancurkan atau memecahkan pil; ada pil yang harus ditelan secara terus.
- Elakkan daripada meminum alkohol.
- Periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya terdapat apa-apa makanan atau lain-lain ubat yang perlu dielakkan semasa mengambil ubat ini.
- Ambil ubat sebelum atau selepas makan sebagaimana yang tercatat pada label ubat atau mengikuti arahan doktor atau ahli farmasi.
- Jangan ambil ubat orang lain atau berkongsi ubat anda dengan orang lain.
- Beritahu doktor sekiranya anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi.
- Seperti ubat-ubatan yang lain, pesakit mungkin akan mendapat kesan sampingan. Sekiranya terdapat ruam panas, sesak nafas atau sukar untuk menelan, hentikan ubat ini dan dapatkan rawatan doktor dengan segera.

## **BAGAIMANA CARA SAYA BOLEH MENGINGATI PENGAMBILAN UBAT?**

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari agar ia menjadi satu tabiat.

## **APAKAH YANG HARUS SAYA BUAT SEKIRANYA SAYA TERLUPA SATU DOS?**

Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambillah dos yang tertinggal itu sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya masa untuk dos yang tertinggal itu berhampiran dengan dos yang selanjutnya teruskan dengan dos kebiasaan anda tanpa mengambil dos tambahan.

***Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi***

## **BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT INI?**

- Ikut arahan yang dikhaskan bagi menyimpan ubat anda (misalnya beberapa jenis ubat memerlukan penyimpan dalam peti ais, manakala yang lain tidak perlu).
- Simpan ubat anda di tempat yang sejuk, kering dan terpelihara dari kelembapan, kepanasan dan sinaran tepat matahari, kecuali diarahkan.
- Simpan ubat di dalam bekas aslinya yang berlabel. Jangan campur-adukkan ubat-ubat yang lain dalam satu bekas.



Ministry Of Health



Penyemakan Terakhir pada Jan 2002